

Prakata



Dr Mohamad Maliki Bin Osman

Menteri di Pejabat Perdana Menteri, dan Menteri Kedua Pendidikan dan Hal Ehwal Luar, dan Pengurusi, Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu (MLLPC)

Jauh perjalanan, luas pemandangan. Buku merupakan jendela dunia. Kanak-kanak yang banyak membaca mampu membuka jendela itu agar dapat mengamati dunia dengan lensa yang luas. Ibu bapa, guru-guru dan masyarakat memainkan peranan penting dalam usaha menerapkan amalan dan budaya membaca serta membina kemahiran literasi awal kanak-kanak dari peringkat prasekolah.

Idea menghasilkan Siri Nabil dan Nabilah untuk murid sekolah rendah mula tercetus pada tahun 2015 oleh Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu (MLLPC). Kini, siri bacaan ini dibawa pula ke peringkat prasekolah. Siri Nabil dan Nabilah peringkat prasekolah ini menyajikan bahan bacaan menarik yang mencakupi pelbagai tema seperti pengorbanan, persahabatan dan hubungan kekeluargaan. Teranyam dalam cerita-cerita ini ialah aspek budaya, nilai dan imaginasi.

Saya akur akan peranan teknologi dalam kehidupan kita kini dan pengaruhnya terhadap kanak-kanak. Teknologi telah membuka ruang dan peluang untuk menyemarakkan lagi pembelajaran kanak-kanak. MLLPC telah berusaha untuk menerbitkan siri bacaan ini dalam bentuk cetakan serta bentuk digital yang boleh didapatkan di laman web rasmi MLLPC. Bahan bacaan digital tersebut boleh dimuat turun ataupun diakses pada bila-bila masa sahaja. Selain itu, MLLPC juga menyediakan aktiviti-aktiviti susulan yang boleh dilakukan oleh kanak-kanak bersama ibu bapa mereka. Aktiviti bersama keluarga ini dapat memupuk sikap positif dan berpotensi untuk menanamkan nilai yang baik.

Siri Nabil dan Nabilah yang terbaharu ini tidak akan dapat dihasilkan tanpa usaha dan sumbangaan guru-guru prasekolah. Mereka dengan hati terbuka menyahut cabaran untuk melibatkan diri dalam proses penulisan siri bacaan ini. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada para guru yang terlibat. Dengan terhasilnya karya kanak-kanak ini, saya pasti hasil penulisan kreatif untuk kanak-kanak dengan berlatarkan konteks tempatan akan dapat diperkaya. Semoga guru-guru prasekolah terus maju dalam meningkatkan usaha untuk melestarikan bahasa Melayu.

*Mekar sejambak bunga kejora,
Gugur sekuntum di tepi paya;
Marilah sahut seruan negara,
Bangsa membaca bangsa berjaya.*



Nenek membawa Nabil dan Nabilah
ke S.E.A Aquarium. Akuarium itu di Pulau Sentosa.

Di situ, mereka gembira melihat binatang laut.

Selain ikan, mereka juga melihat obor-obor dan kuda laut.

Mereka juga melihat ikan yu dan ikan pari.







Nabilah menyentuh tapak Sulaiman. Tiba-tiba...



“Ikan apa ini, Nenek?
Muncungnya...” kata Nabil.

"Oh, ini ikan todak. Pada zaman dahulu, pantai Singapura pernah diserang ikan todak," jelas Nenek.






"Apabila ikan todak menyerang, semua nelayan takut untuk pergi menangkap ikan. Semua orang kampung bersembunyi di dalam rumah," kata Nenek.



“Tidak lama kemudian, ada seorang budak lelaki bernama Hang Nadim. Dia mempunyai idea,” kata Nenek.

“Hang Nadim mengajak orang kampung untuk memasang penghadang dengan menggunakan batang pokok pisang,” kata Nenek.







Wah, hebatnya,
Hang Nadim!



"Nenek, Nabilah, ayuh kita ambil gambar bersama ikan todak!" kata Nabil.

